

Jabatan Kehakiman AS fail saman berkait siasatan 1MDB
Free Malaysia Today
Julai 20, 2016
Reuters

Saman menyebut salah laku yang didakwa itu berlaku sepanjang tempoh empat tahun dan melibatkan pelbagai individu, termasuk pegawai warga Malaysia dan rakan-rakan mereka.

LOS ANGELES: Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat memfailkan saman pada Rabu kerana mahu merampas harta benda yang berkaitan dengan syarikat kerajaan Malaysia 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Saman itu, difailkan di Los Angeles, berkata ia mahu merampas aset-aset yang “terbabit dalam dan boleh dikesan kepada suatu konspirasi antarabangsa untuk mengubah wang yang dilesapkan daripada 1MDB.”

Saman itu berkata salah laku yang didakwa itu berlaku sepanjang tempoh empat tahun dan melibatkan pelbagai individu, termasuk pegawai warga Malaysia dan rakan-rakan mereka, yang berkonspirasi untuk melencongkan berbilion dolar dengan tipuan daripada 1MDB.

Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/07/20/jabatan-keadilan-as-fail-saman-berkait-siasatan-1mdb/>